



Kelantan bangunkan Portal Info Rakyat sebagai terminal digital bersepadu

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | REJAB 1447H | 21-25 DIS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Sembilan barangan terkawal ditawar sempena jualan musim perayaan

Kes penyalahgunaan dadah di Kelantan turun 7.4 peratus pada 2025

Kelstone, JOGMEC meterai MoA nilai potensi unsur nadir bumi di Kelantan

Rejab perjalanan menuju Ramadan, isyarat awal peringkat amal soleh – MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 23 Disember - Ketibaan bulan Rejab mengingatkan umat Islam bahawa perjalanan menuju Ramadan telah bermula, sekali gus menjadi isyarat awal untuk memperbaiki hubungan dengan Allah SWT serta mempertingkatkan amalan soleh.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, para ulama mengibaratkan bulan Rejab sebagai bulan menanam benih kebaikan, Syaaban sebagai bulan menyuburkannya manakala Ramadan pula bulan menuai hasil daripada amalan yang dilakukan.

Menurutnya, bulan Rejab seharusnya dimanfaatkan sebagai fasa permulaan untuk membersihkan hati, melatih disiplin ibadah serta membina kekuatan rohani sebelum memasuki Ramadan yang penuh keberkatan.

"Inilah masanya untuk kita memulakan langkah memperbaiki hubungan dengan Allah, memperbanyakkan amalan soleh dan melatih diri dengan disiplin ibadah.

"Apa yang ditanam pada Rejab dan disiram pada Syaaban, insya-Allah akan dituai dengan keberkatan pada Ramadan," katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Beliau turut mengajak umat Islam supaya memperbanyakkan



doa yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sempena ketibaan bulan mulia ini, iaitu:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban, serta sampaikanlah kami pada bulan Ramadan.

Dalam pada itu, Menteri Besar turut berkongsi syair yang dipetik daripada kitab Lathaif al-Ma'arif karangan Ibnu Rajab al-Hanbali sebagai peringatan dan motivasi agar umat Islam tidak mensia-sia-

kan kelebihan bulan Rejab.

Menurutnya, syair tersebut menekankan kepentingan membersihkan catatan amalan, menjauhi perbuatan keji serta memperbanyakkan doa, memandangkan Rejab termasuk dalam kalangan bulan-bulan haram yang dimuliakan Allah SWT.

بَيْضُ صَحِيفَتِكَ السَّوْدَاءِ فِي رَجَبٍ بِصَالِحِ الْعَمَلِ الْمُنْجِي مِنَ الْهَلَبِ

Ertinya, bersihkanlah lembaran catatanmu yang hitam pada bulan Rejab, dengan amalan soleh yang menyelamatkan dari azab api.

“

Inilah masanya untuk kita memulakan langkah memperbaiki hubungan dengan Allah, memperbanyakkan amalan soleh dan melatih diri dengan disiplin ibadah. “Apa yang ditanam pada Rejab dan disiram pada Syaaban, insya-Allah akan dituai dengan keberkatan pada Ramadan,”

Sepotong syiar lagi ialah;

شَهْرٌ حَرَامٌ أَتَى مِنْ أَشْهُرِ حُرْمٍ إِذَا دَعَا اللَّهُ دَاعٍ فِيهِ لَمْ يَجِبْ

Mafhumnya, bulan haram yang datang daripada bulan-bulan dimuliakan, apabila seorang hamba berdoa kepada Allah di dalamnya, doanya tidak akan sia-sia.

Sehubungan itu, beliau berharap umat Islam dapat memanfaatkan bulan Rejab sebagai medan perseediaan rohani agar dapat menyambut Ramadan dalam keadaan hati yang bersih dan ibadah yang lebih berkualiti.



Kelantan bangunkan Portal Info Rakyat sebagai terminal digital bersepadu

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 22 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan membangunkan Portal Info Rakyat sebagai satu platform digital bersepadu yang bakal menjadi rujukan utama rakyat bagi mendapatkan maklumat perkhidmatan, skim bantuan, produk serta hebahan semasa kerajaan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan YB Mohd Asri Daud berkata, inisiatif tersebut dilaksanakan bagi memperkukuh penyampaian maklumat kerajaan secara lebih tersusun, mudah diakses dan mesra rakyat.

“Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Semakan Dan Tambah Baik Portal Info Rakyat Kelantan di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim,” katanya me-



nerusi laman rasmi pada Khamis.

Menurutnya, portal berkenaan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Negeri (BPTM).

“Portal ini dibangunkan sebagai terminal digital bersepadu yang akan menjadi rujukan dan akses

kepada rakyat bagi sebarang tawaran perkhidmatan, skim bantuan, produk, selain makluman dan hebahan semasa,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penambahbaikan portal berkenaan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada 54 jabatan, agensi kerajaan negeri dan persekutuan

serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang telah hadir dan memberikan pandangan serta percambahan idea bagi memantapkan lagi Portal Info Rakyat ini,” katanya.

Tambah YB Mohd Asri, penambahbaikan tersebut amat penting bagi memastikan portal berkenaan benar-benar memenuhi keperluan rakyat sebelum disebarkan secara rasmi pada awal tahun 2026.

Sembilan barangan terkawal ditawarkan sempena jualan musim perayaan



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Disember – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2025 yang berlangsung selama lima hari bermula 23 hingga 27 Disember ini bagi membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan pada harga berpatutan.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, program berkenaan menawarkan harga terkawal bagi sembilan jenis barangan sepanjang tempoh pelaksanaannya.

“Antara barangan yang ditawarkan ialah kobis bulat, lobak merah, tomato, lada benggala, cili merah, ubi kentang dan beberapa barangan lain,” katanya kepada media selepas perasmian Program Harga

Rahmah Musim Perayaan (HRMP) di sebuah pasar raya di Tunjong, pada Selasa.

Majlis pelancaran disempurnakan bersama Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato’ Md Anizam Ab Rahman.

Dalam pada itu, Azman memaklumkan KPDN Kelantan turut melaksanakan Program Rahmah

Kembali ke Sekolah bermula 18 Disember 2025 hingga 10 Januari 2026.

“Program ini melibatkan 43 pasar raya serta kedai yang menjual barangan persekolahan dengan subsidi 30 peratus bagi keperluan asas seperti kasut, pensel, beg dan lain-lain,” katanya.

Sementara itu, Dato’ Md Anizam menyeru seluruh rakyat Kelantan agar mengambil peluang berkunjung ke pasar raya yang menawarkan harga musim perayaan serta menyertai program kembali ke sekolah bagi mendapatkan barangan persekolahan dan keperluan pada harga yang berpatutan.

“Program ini amat baik untuk membantu rakyat, khususnya ibu bapa dan anak-anak sekolah yang akan memulakan sesi persekolahan pada Januari nanti,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada KPDN Kelantan serta penguat kuasa atas kerjasama erat dengan kerajaan negeri dalam melaksanakan inisiatif berkenaan demi meringankan beban rakyat, khususnya sempena musim perayaan dan persiapan persekolahan.

Anak boleh dirotan, namun jangan sampai mencederakan - Exco Agama

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 Disember – Kaedah mendidik anak-anak dibenarkan menggunakan rotan sebagai bentuk pengajaran, namun sama sekali tidak boleh mencederakan atau melibatkan pukulan di bahagian muka, kata Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud.

Katanya, rotan dalam pendidikan bukan semata-mata bermaksud pukulan fizikal, sebaliknya boleh diterjemahkan dalam bentuk denda yang mendidik sebagai “pukulan kepada hati dan perasaan” anak-anak agar mereka memahami kesalahan dan membina disiplin diri.

“Didikan mesti berlandaskan



kasih sayang. Rotan hanya untuk pengajaran, bukan untuk mencederakan,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Katanya lagi, pembelajaran al-Quran kepada anak-anak hendaklah diberi keutamaan agar mereka dapat membaca surah-surah pilihan

dengan baik serta menghafaznya.

“Apabila al-Quran dijadikan keutamaan, insya-Allah akhlak terpuji akan terbina dalam diri anak-anak dan mereka akan lebih bersemangat serta gemar menuntut ilmu,” katanya.

Terdahulu, beliau merasmi-



kan Majlis Prestasi PASTI al-Hidayah Wakaf Stan serta PASTI al-Ikhwan, Kenali.

Beliau turut merakamkan tahniat kepada pengerusi, pentadbiran serta guru-guru PASTI atas komitmen mendidik anak-anak dengan cemerlang.

Kes penyalahgunaan dadah di Kelantan turun 7.4 peratus pada 2025



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Disember - Kes penyalahgunaan dadah di Kelantan menunjukkan trend penurunan sebanyak 7.4 peratus bilangan penyalah guna dan penagih dadah bagi tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.

Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Negeri Kelantan yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhamad berkata, berdasarkan statistik yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PEMADAM Negeri Kelantan pada Selasa menunjukkan jumlah penagih

dadah menurun daripada 15,448 orang pada 2024 kepada 14,320 orang pada 2025 iaitu penurunan sebanyak 1128 kes.

Menurutnya, jumlah kes penyalahgunaan dadah juga turut mencatatkan penurunan apabila direkodkan sebanyak 25,091 kes pada 2025 berbanding 25,673 kes pada 2024, iaitu pengurangan sebanyak 582 kes.

“Dari segi penguatkuasaan, jumlah tangkapan juga menurun daripada 27,402 tangkapan pada 2024 kepada 26,384 tangkapan pada tahun ini, iaitu penurunan sebanyak 1,018 tangkapan,” katanya menerusi media sosial, pada Sela-

sa.

Beliau menegaskan bahawa penurunan angka tersebut tidak seharusnya diraikan secara berlebihan, sebaliknya dilihat sebagai petunjuk bahawa usaha berterusan yang dilaksanakan selama ini mula menampakkan hasil.

Tambahnya, isu dadah tidak boleh diselesaikan semata-mata melalui pendekatan tangkap dan hukum, sebaliknya memerlukan strategi menyeluruh yang menekankan pencegahan awal serta penglibatan masyarakat.

“Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan ratusan program pencegahan yang

melibatkan institusi keluarga, sekolah, tempat kerja dan komuniti setempat. Pendekatan ini penting kerana punca masalah dadah sering bermula daripada persekitaran terdekat dengan kehidupan seharian,” ujarnya.

Jelas YB Zamakhshari lagi, Kerajaan Negeri Kelantan kekal komited menjadikan usaha memerangi dadah sebagai satu jihad bersama, namun kejayaan tersebut tidak akan tercapai tanpa peranan aktif rakyat.

“Apabila masyarakat cakna, berani menegur dan sanggup bekerjasama dengan pihak berkuasa serta agensi berkaitan, di situlah bermulanya perubahan sebenar,” tegasnya.

Tambahnya, isu dadah bukan isu individu semata-mata, sebaliknya melibatkan keluarga, komuniti serta masa depan negeri, dan memerlukan sokongan berterusan semua pihak bagi memastikan usaha pencegahan dapat diteruskan secara berkesan.

Terdahulu beliau memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja PEMADAM Negeri Kelantan yang mencapai beberapa kesepakatan penting berkaitan program dan inisiatif baharu yang akan memberi manfaat kepada rakyat Kelantan secara menyeluruh.

Kelstone, JOGMEC meterai MoA nilai potensi unsur nadir bumi di Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Disember — Kelstone Sdn Bhd dan Japan Organization for Metals and Energy Security (JOGMEC) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi bekerjasama menilai potensi sumber unsur nadir bumi (REE) di kawasan terpilih di Kelantan.

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam kenyataan media pada Jumaat memaklumkan, MoA itu difasilitasi di bawah Memorandum Kerjasama (MoC) ECERDC-JOGMEC yang menyokong kerjasama berstruktur ke arah pembangunan REE yang mampan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Menurut kenyataan berkenaan, di bawah MoA itu Kelstone dan JOGMEC akan melaksanakan program tinjauan yang dipersetujui bagi menilai potensi teknikal serta



pertimbangan utama untuk pembangunan yang bertanggungjawab, selaras dengan peraturan dan garis panduan berkuat kuasa.

“Sebagai sebahagian daripada tadbir urus projek, sebuah jawatankuasa pengurusan bersama akan ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan program, dengan ECERDC menyertai sebagai pemerhati,” katanya.

ECERDC berkata, kerjasama berkenaan mencerminkan komitmen bersama dalam memajukan penerokaan unsur nadir bumi se-

cara bertanggungjawab, di samping memperkuat hubungan Malaysia-Jepun serta menyokong pembangunan rantai nilai REE yang mampan.

“Inisiatif ini menandakan langkah penting dalam membuka potensi unsur nadir bumi di Kelantan, sambil memastikan aktiviti penerokaan dan pembangunan masa hadapan dilaksanakan secara telus, mampan dan selaras dengan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), serta objektif pembangunan nasional dan serantau,”



menurut kenyataan itu.

Kelstone merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang terlibat dalam pembangunan sumber mineral di Kelantan.

Manakala JOGMEC merupakan sebuah agensi kerajaan Jepun yang berperanan memastikan keselamatan bekalan sumber mineral dan tenaga negara itu. Ia ditubuhkan pada tahun 2004 di bawah seliaan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI).

Sumbangan RM50,000 ringankan beban 200 Armalah di Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 24 Disember — Sebanyak 200 golongan armalah miskin dari jajahan Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh menerima sumbangan barangan keperluan asas bernilai keseluruhan RM50,000 menerusi Program Penyampaian Sumbangan Barang Keperluan Armalah yang berlangsung di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Program berkenaan merupakan hasil kerjasama antara Urus Setia Kebajikan Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWa) bersama Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUM) dan Indah Water Konsortium Berhad (IWK) sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu golongan armalah yang memerlukan.

Semua penerima terdiri daripada armalah miskin yang mempunyai tanggungan tiga orang ke atas, melibatkan kawasan Parlimen Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Ketereh, Kubang Kerian, Bachok dan Pasir Puteh.

Setiap penerima menerima ba-



rangan keperluan asas bernilai RM250 yang merangkumi bekalan makanan, bahan pencuci lantai serta barangan kebersihan diri bagi membantu meringankan kos sara hidup harian.

Ketua Seksyen Treatment Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Mohd Khairil Saat berkata, pihaknya memperuntukkan sebahagian dana CSR tahunan bagi melaksanakan program kebajikan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

“Di peringkat kami, terdapat sedikit peruntukan untuk program CSR tahunan. Pada tahun ini, kami memilih untuk membantu golongan armalah sebagai satu program sosial yang menyokong usaha Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih ke-

pada YB Exco dan pihak UKeKWa yang membantu menguruskan penyaluran bantuan kepada para penerima,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

Sementara itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, armalah merupakan wanita hebat yang berperanan besar dalam membentuk masa depan anak-anak walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup.

Menurutnya, penerima sumbangan terdiri daripada armalah dari kawasan Parlimen Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Ketereh, Kubang Kerian, Bachok dan Pasir Puteh.

“Walaupun kehilangan suami,

mereka tetap mampu membesarkan anak-anak menjadi insan yang berjaya. Anak hebat tidak semestinya memiliki pekerjaan hebat, tetapi yang paling penting adalah memahami agama serta menjadi insan yang beriman dan bertakwa,” katanya ketika merasmikan program tersebut.

Beliau turut menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan menggunakan istilah armalah bagi merujuk wanita yang kematian suami bagi menjaga sensitiviti serta maruah golongan berkenaan.

“Hasrat arwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, panggilan armalah ini akan membentuk peribadi mereka. Kerajaan negeri juga bertanggungjawab menjaga kebajikan anak yatim dan armalah kerana dengan menjaga golongan inilah, keberkatan akan hadir dalam negeri kita,” ujarnya.

Dato’ Rohani turut merakamkan penghargaan kepada pihak Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. dan Indah Water Konsortium Berhad atas sumbangan khidmat sosial bernilai RM50,000 yang disalurkan demi kesejahteraan golongan armalah di Kelantan.

541 aktiviti bahasa, sastera sepanjang tahun 2025 perkukuh jati diri rakyat Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Disember – Komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memartabatkan bahasa Melayu dizahirkan menerusi pelaksanaan 541 aktiviti kebahasaan dan kesasteraan sepanjang tahun 2025, hasil sinergi strategik bersama agensi Persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta, sekali gus mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan teras pembinaan jati diri masyarakat.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan) Dato' Azi Rahimee Mohamed berkata, daripada jumlah keseluruhan itu, 54 program dilaksanakan oleh 17 anggota Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Melayu Peringkat Negeri Kelantan (JPBMK) sebagai sebahagian pelaksanaan dasar pemerkasaan bahasa Melayu di peringkat negeri.

Menurutnya, antara inisiatif teras yang digerakkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ialah pengurusan dan penyelarasan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Melayu (JKPBM) Bil. 1/2025 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feisal, pada 11 Mei lalu.

Dato' Azi Rahimee yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan memaklumkan bahawa mesyuarat tersebut turut meluluskan pelantikan 56 Ahli JKPBM Peringkat Negeri Kelantan mewakili pelbagai sektor strategik, merangkumi 12 wakil jabatan dan agensi negeri, 12 wakil pihak berkuasa tempatan



(PBT), 16 wakil jabatan dan agensi Persekutuan, tujuh wakil institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) serta sembilan wakil sektor swasta dan NGO.

“Pelantikan Ahli Jawatankuasa Bahasa Melayu Peringkat Negeri Kelantan ini berkuat kuasa mulai 26 Ogos 2025 dan berfungsi merancang serta memantau pelaksanaan program kebahasaan di seluruh negeri sepanjang tahun,” katanya ketika berucap dalam Mesyuarat JPBMK Bil. 2/2025 di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, pada Isnin.

Komitmen agensi kerajaan negeri dalam memartabatkan bahasa Melayu turut dizahirkan menerusi penglibatan Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang menganjurkan Pertandingan Syarahan Bahasa Melayu melibatkan pelajar institusi YIK dari 19 hingga 22 Mei 2025, sebagai usaha membudayakan penguasaan bahasa serta membina keyakinan berpidato dalam kalangan generasi muda.

Usaha pemerkasaan bahasa Melayu turut diperkukuh menerusi penganjuran Syarahan Perdana Penghayatan Membangun Bersama Islam anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) pada 4 Oktober

2025, yang sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu baku serta merangkumi kategori dewasa dan kanak-kanak. Program berprestij itu turut menampilkan juri bahasa undangan khas dari Jabatan Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.

Selain itu, UPKN juga memainkan peranan penting memastikan ketepatan dan kualiti bahasa apabila menggunakan khidmat semakan ejaan dan tatabahasa oleh pakar Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) bagi manuskrip Dasar Penerangan Negeri Kelantan.

Sementara itu, Pengarah DBPWT Ariza Che Ismail memaklumkan bahawa pihaknya telah melaksanakan 95 kegiatan berfokus bahasa, sastera dan ilmu, selain merealisasikan 392 siaran radio sepanjang tahun 2025, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan DBPWT dalam memartabatkan bahasa Melayu dan mengembangkan sastera kebangsaan di peringkat wilayah.

Menurutnya, keseluruhan inisiatif tersebut dirancang secara strategik bagi memastikan bahasa Melayu terus berfungsi sebagai bahasa ilmu, wahana pemikiran dan asas pembinaan jati diri masyarakat,

merentas kelompok usia serta latar sosial.

“Antara tumpuan utama ialah pelaksanaan program pembangunan bahasa dan sastera melibatkan kanak-kanak, remaja serta masyarakat umum, di samping pengukuhan ekosistem penulisan, pembacaan dan apresiasi karya kreatif,” katanya.

Beliau menjelaskan, pendekatan tersebut dilaksanakan melalui program penggalakan, kerjasama strategik, pembudayaan tulisan Jawi, penganjuran wacana ilmiah serta usaha sistematik membina bakat penulis baharu.

Dalam masa sama, medium radio kekal sebagai saluran efektif mendekati rakyat apabila 392 siaran Radio Kelantan FM disiarkan menerusi pelbagai segmen khusus yang menekankan pengayaan kosa kata, keindahan bahasa, pemikiran sastera serta nilai budaya tempatan, sekali gus mendekatkan bahasa Melayu dengan denyut kehidupan seharian masyarakat.

“DBPWT turut merekodkan pencapaian dalam bidang penerbitan apabila 74 artikel dan karya berjaya dihasilkan, termasuk penerbitan digital menerusi platform E-Wadah DBP, selain pelaksanaan Gerakan Membaca dan Penyebaran Ilmu serta program sempena Dekad Bahasa Kebangsaan,” ujarinya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, khidmat kepakaran bahasa DBPWT turut digabungkan bersama pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dalam menyemak draf titah ucapan Sultan Kelantan KDYMM Sultan Muhammad V di Majlis Singgahsana pada 29 September sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda ke-56.



Pembangunan Ladang Rakyat agih hasil secara adil



Oleh: Norzana Razaly

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya” (Surah an-Nisa’: 58).

Pada asasnya, Program Pembangunan Ladang Rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat (PPLR) yang dilancarkan pada 26 Januari 2006 membawa satu mesej yang sangat mudah difahami: tanah kerajaan tidak dibiarkan kosong, sebaliknya diusahakan untuk manfaat rakyat.

Cara ini sebenarnya telah lama diamalkan sejak zaman pemerintahan Islam yang gemilang. Ulama dan sarjana Islam seperti al-Mawardi menjelaskan bahawa pemerintah bertanggungjawab mengurus tanah dan harta awam bagi menjamin kehidupan rakyat serta kestabilan masyarakat. Jika tanah kerajaan dibiarkan terbiar, ia dianggap satu kecuaihan terhadap amanah.

Konsep ini boleh difahami melalui contoh mudah. Tanah kerajaan ibarat sawah milik bersama. Jika sawah itu tidak ditanam, semua orang rugi. Tetapi jika diusahakan dengan baik, hasilnya boleh dikongsi dan dinikmati bersama. Inilah asas pemikiran di sebalik penubuhan PPLR.

Hak usaha, bukan kak milik

Dalam sejarah Islam, terdapat konsep yang dinamakan iqta’. Ringkasnya, kerajaan memberi hak untuk mengusahakan tanah, tetapi tanah itu bukan milik peribadi. Pemilik sebenar kekal kerajaan, manakala pengusaha bertanggungjawab memakmurkan tanah dan menghasilkan pendapatan.

Prinsip ini sangat hampir dengan pendekatan PPLR hari ini. Tanah kerajaan diurus dan diusahakan melalui projek perladangan, tetapi hasilnya diagihkan kepada peserta Ladang Rakyat. Peserta tidak perlu memiliki tanah atau bekerja di ladang, namun tetap menerima manfaat dalam bentuk dividen bulanan.

Pendekatan ini mengelakkan tanah daripada menjadi bahan spekulasi atau dimonopoli segelintir pihak, sebaliknya memastikan manfaatnya sampai terus kepada rakyat biasa, khususnya

golongan kurang berkemampuan.

Agihan hasil secara adil

Sarjana besar Islam, Ibn Khaldun, pernah menjelaskan bahawa negara akan makmur apabila tanah diusahakan dan hasilnya diagihkan secara adil. Pertanian dan perladangan dianggap tulang belakang ekonomi kerana ia bukan sahaja menghasilkan makanan, malah membuka peluang pekerjaan dan menggerakkan ekonomi setempat.

Prinsip ini jelas diterjemahkan dalam Program Ladang Rakyat yang melibatkan lebih 78,000 ekar tanah kerajaan di seluruh Kelantan. Tanah-tanah ini ditanam dengan kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran mengikut kesesuaian kawasan. Hasilnya pula disalurkan semula kepada rakyat dalam bentuk dividen.

Walaupun setiap peserta hanya menerima RM200 sebulan, jumlah ini menjadi pendapatan tambahan yang stabil. Ia membantu menampung keperluan asas, membayar bil utiliti atau membeli barangan dapur, khususnya bagi keluarga luar bandar.

Dalam sejarah Islam, terdapat juga amalan waqf zira’i atau wakaf pertanian. Tanah wakaf diusahakan secara berterusan, dan hasilnya digunakan untuk kebajikan seperti membantu fakir miskin, pendidikan dan keperluan masyarakat.

Walaupun PPLR bukan institusi wakaf, caranya hampir sama. Tanah kerajaan diusahakan secara berterusan, manakala hasilnya diagihkan kepada peserta secara berkala. Ini menjadikan tanah sebagai sumber pendapatan jangka panjang, bukan keuntungan sekali sahaja.

Pendekatan ini menepati konsep kebajikan dalam Islam, iaitu memastikan manfaat ekonomi dapat dinikmati secara berpanjangan oleh masyarakat.

Utamakan kebajikan

PPLR juga memberi penekanan kepada kebajikan rakyat, sejajar dengan prinsip masalah ‘ammah atau kepentingan awam dalam Islam. Prinsip ini menekankan bahawa setiap dasar

kerajaan perlu memberi manfaat kepada rakyat dan mengurangkan kesusahan mereka.

Hal ini jelas apabila PPLR tetap mengagihkan dividen walaupun ada ladang yang belum mengeluarkan hasil sepenuhnya. Menteri Besar Kelantan, YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud, menegaskan bahawa pencapaian ini membuktikan kejayaan PPLR mengurus tanah yang diamanahkan Kerajaan Negeri Kelantan bagi membantu rakyat, khususnya golongan kurang bernasib baik.

Menurut beliau, walaupun hasil penanaman belum diperoleh sepenuhnya, PPLR tetap berjaya mengagihkan dividen kepada peserta, membuktikan keutamaan kebajikan rakyat berbanding keuntungan semata-mata.

Diurus secara telus

Ketua Pegawai Eksekutif PPLR Dr Mohd Arpi Arifin pula menjelaskan bahawa matlamat utama penubuhan PPLR ialah memastikan tanah kerajaan diurus secara berkesan, produktif dan mampu menjana pulangan berterusan kepada peserta.

Beliau menegaskan bahawa PPLR komited memastikan setiap sen yang diagihkan dibuat secara adil dan telus, selain melakukan penambahbaikan berterusan terhadap pengurusan ladang dan tadbir urus. Penstrukturan kewangan dan penguatkuasaan perjanjian dengan syarikat terlibat dilakukan bagi melindungi kepentingan rakyat.

Pendekatan tegas terhadap syarikat yang gagal mematuhi perjanjian turut menunjukkan bahawa amanah rakyat tidak boleh dikompromi.

Ibn Khaldun turut mengingatkan bahawa jika kekayaan hanya berlegar dalam kalangan elit, masyarakat akan menjadi rapuh dan tidak seimbang. Prinsip ini selari dengan peringatan al-Quran agar harta tidak beredar dalam kalangan orang kaya sahaja.

Melalui Program Ladang Rakyat, Kerajaan Negeri Kelantan memastikan hasil tanah kerajaan diagihkan terus kepada rakyat biasa. Peserta dipilih daripada golongan kurang berkemampuan, menjadikan program ini sebagai alat pengagihan kekayaan yang lebih adil dan berperikemanusiaan.

Kesimpulan

Secara ringkasnya, apa yang dilakukan oleh PPLR hari ini adalah kelestarian amalan baik yang telah lama wujud dalam sejarah Islam, tetapi disesuaikan dengan keperluan semasa. Tanah kerajaan diusahakan, hasil dikongsi, kebajikan diutamakan dan amanah dijaga.

Inilah wajah pembangunan yang mengangkat nilai keadilan, kebajikan dan keberkatan demi kesejahteraan rakyat Kelantan melalui keseimbangan meraih laba dunia dan pahala di akhirat.

Kunjungan hormat AGIKO buka peluang pelajar YIK lanjut pengajian di Korea Selatan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 23 Disember - Kunjungan hormat Alumni Graduan Institusi Korea Kebangsaan (AGIKO) membuka ruang kerjasama akademik baharu, khususnya dalam menawarkan peluang pengajian bidang kejuruteraan melalui institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Korea Selatan kepada pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata inisiatif itu menyasarkan pelajar aliran sains termasuk dari sekolah maahad serta sekolah tahfiz sains di bawah YIK.



Menurutnya, kerjasama tersebut menyediakan laluan strategik kepada pelajar untuk menceburi bidang teknikal dan kejuruteraan bertaraf antarabangsa, selari dengan keperluan industri semasa serta pembangunan modal insan negeri.

“Usaha ini memberi peluang kepada pelajar aliran sains, maahad

dan tahfiz sains untuk melangkah ke bidang teknikal dan kejuruteraan yang mempunyai permintaan tinggi di peringkat global.

“Insya-Allah, kerjasama ini akan terus diperkukuh bagi memastikan lebih ramai anak Kelantan berpeluang memperoleh pendidikan berkualiti tinggi dan berdaya

saing di peringkat antarabangsa,” katanya menerusi laman sosial, pada Isnin.

Terdahulu, Wan Roslan menerima kunjungan hormat delegasi AGIKO yang diketuai Presidennya, Ir. Zamri Abbas, bersama wakil institusi pendidikan dari Korea Selatan di pejabatnya.



Kerajaan negeri komited naik taraf muzium, tarik minat pengunjung



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 23 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan menyatakan komitmen untuk menambah baik pengurusan dan kemudahan muzium negeri bagi menarik lebih ramai pengunjung serta memperkukuh peranan institusi berkenaan sebagai pusat pen-

didikan dan rujukan warisan.

Komitmen itu dizahirkan menerusi lawatan Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad ke beberapa muzium di bawah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK).

Lawatan tersebut bermula di Muzium Negeri sebelum diter-

uskan ke Muzium Adat Istiadat Istana Jahar dan Muzium Diraja Istana Batu.

Menurut YB Zamakhshari, beliau melihat sendiri keadaan kemudahan, susun atur pameran serta kaedah penyampaian maklumat kepada pengunjung.

“Lawatan diteruskan ke Muzium Kraftangan dan Balai Seni

Lukis Kelantan yang berperanan penting memperkenalkan seni, kraf serta hasil kreativiti anak Kelantan kepada masyarakat,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi beliau pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa sepanjang lawatan tersebut, perbincangan turut diadakan bersama pihak pengurusan PMNK berkaitan keperluan penambahbaikan dan hala tuju muzium sebagai ruang pendidikan serta rujukan warisan negeri.

YB Zamakhshari juga memaklumkan bahawa segala isu atau kekurangan di muzium-muzium terlibat sedang dan akan terus ditangani.

“Segala isu atau kekurangan di muzium sedang dalam tindakan dan penambahbaikan. Kita akan fokus kepada Muzium Istana Jahar dan Muzium Diraja untuk ditambah baik kemudahan dan promosi” katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pengarahnya Norhalis Mohamed Noor atas komitmen serta kerjasama dalam memelihara dan memartabatkan warisan negeri.

Dewan Belia Kelantan sedia bekerjasama angkat suara belia ke peringkat nasional

Oleh: Syamimi Manah

IPOH, 23 Disember – Dewan Belia Kelantan menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan semua pihak bagi mengangkat suara belia ke peringkat nasional.

Kenyataan tersebut dizahirkan melalui penyertaan lapan Ahli Dewan Belia (ADN) Kelantan dalam Pemukiman Dewan Belia Perak yang berlangsung dari 19 hingga 21 Disember 2025 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Pemukiman berkenaan mengahimpunkan Ahli Dewan Belia negeri-negeri seluruh Malaysia dan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perak dengan inisiatif Dewan Belia Negeri Perak sebagai wadah strategik memperkukuh jaringan kepimpinan belia rentas negeri, selain membuka ruang diplomasi dan perkongsian idea antara pemimpin muda.

Ketua Whip yang merupakan Ahli Dewan Belia (ADN) Panchor Nik Muhammad Luqman Al Hakim Mohd Roslan berkata, Dewan Belia Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak atas penganju-



ran serta jemputan yang diberikan kepada Ahli Dewan Belia Kelantan.

“Pemukiman ini melibatkan seramai 113 peserta yang telah membincangkan 53 isu dan cabaran belia, seterusnya mencapai kata sepakat terhadap 24 resolusi untuk diperjuangkan dan dibawa kepada Menteri Belia dan Sukan,” katanya.

Menurutnya, Dewan Belia Kelantan berharap agar program berkenaan tidak terhenti setakat itu sahaja, malah diteruskan sebagai platform berterusan dalam menyatukan suara belia di peringkat nasional.

“Dewan Belia Kelantan bersedia untuk sebarang bentuk kerjasama

ma demi mengangkat suara belia ke peringkat yang lebih tinggi, selari dengan prinsip ‘dari belia untuk belia’,” jelasnya.

Program itu turut memberi peluang kepada ADN Belia Kelantan mempromosikan Dewan Belia Kelantan kepada YAB Menteri Besar Perak Dato’ Seri Saarani Mohamad, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak YB Dato’ Khairudin Abu Hanipah serta Penganalisis Politik Dr Mohammad Tawfik Yaakub.

Pemukiman tersebut telah membincangkan isu dan cabaran belia berdasarkan enam kluster utama iaitu sosial, teknologi, alam sekitar, ekonomi, politik dan nilai, yang mencerminkan keperluan semasa

serta hala tuju pembangunan belia negara.

Antara resolusi yang dipersetujui termasuk cadangan mengatasi kepincangan hedonisme sosial dalam kalangan belia, usaha menangani cabaran teknologi dan kecerdasan buatan (AI), serta penekanan terhadap peranan belia dalam memelihara alam sekitar dan memupuk kelestarian ekosistem.

Selain itu, pemukiman itu turut menekankan kepentingan memperkasakan ekonomi belia Malaysia, memperkukuhkan peranan kerajaan dalam menangani stigma terhadap belia dalam aspek politik, serta memperkukuh nilai dan jati diri belia sebagai asas pembentukan kepimpinan masa depan negara.



Pendidikan awal Islam lahirkan generasi berilmu



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Disember - Pendidikan awal Islam yang mantap merupakan asas penting dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak serta berdisiplin, kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat.

Katanya, pendidikan prasekolah mustahak untuk kecemerlangan akademik dan pembentukan akhlak

anak-anak dari peringkat awal lagi.

“Pendidikan prasekolah Islam bukan sekadar menekankan kecermerlangan akademik, malah membentuk akhlak, disiplin dan jati diri anak-anak sejak usia awal,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Terdahulu, Dato’ Wan Roslan merasmikan Majlis Anugerah Prestasi PASTI Al-Iman Geting, Tumpat yang melibatkan 118 pe-



lajar.

Menurutnya, majlis berkenaan diadakan sebagai penghargaan kepada pelajar PASTI yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam akademik dan sahsiah, hasil usaha berterusan para guru serta sokongan padu daripada ibu bapa.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada barisan pendidik dan pengurusan PASTI yang komited dalam memastikan pen-

didikan Islam terus diperkasakan di peringkat awal.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud pula berkata, pada usia empat, lima dan enam tahun anak-anak didik keluaran PASTI sudah pandai solat dengan bacaan dan kaedah yang betul.

“Pada usia empat, lima dan enam tahun, anak-anak ini telah diajar dengan cara solat yang betul dan membaca al-Quran dengan baik serta diberi penekanan dalam aspek akhlak, jadi insya Allah mereka sudah pandai solat dengan bacaan dan cara yang betul,” katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Anugerah Prestasi PASTI Rabi'atul Adawiyah Chicha, Kubang Kerian.



Kunjungan hormat AGIKO
buka peluang pelajar YIK lanjut
pengajian di Korea Selatan

Pelumba Indonesia dominasi kategori elit Kelantan MBC 2025

Oleh: Asri Hamat

MACHANG, 21 Disember - Dua pelumba dari Indonesia, Zainal Farnani dan rakan senegara Ehza Muhamad mendominasi kategori lelaki elit apabila masing-masing menduduki tempat pertama dan kedua dalam Kejohanan Kelantan Mountain Bike Challenge (MBC) 2025, Piala YAB Menteri Besar Kelantan di Bukit Bakar Eco Park, di sini, pada Sabtu.

Zainal Farnani muncul juara selepas menguasai perlumbaan di litar sejauh 3.8 kilometer dengan enam pusingan, diikuti Ehza Muhamad selaku naib juara. Kedua-dua pelumba itu meninggalkan tujuh pencabar lain sejak perlumbaan dilepaskan sehingga ke garisan penamat.

Tempat ketiga hingga kelima dimenangi pelumba Helaz Cycling Team dari Kota Melaka iaitu Sani Shuib Mohd Syafie di tempat ketiga, Ahmad Syazrin Awang Ilah (keempat) dan Zulfikri Zulkifli (kelima) yang juga pemenang pingat perak Sukan SEA Thailand 2025.

Sebagai juara, Zainal membawa pulang wang tunai RM3,000 beserta piala, manakala Ehza menerima RM2,000. Tempat ketiga menerima RM1,000, keempat RM700



dan kelima RM500.

Kejohanan itu disertai 84 pelumba dari seluruh negara serta dua pelumba dari Indonesia, membabitkan tujuh kategori termasuk lelaki elit, lelaki terbuka, lelaki junior, lelaki Master A dan B, selain wanita junior serta wanita terbuka.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan

ketua jabatan negeri dan persekutuan.

Dalam hantaran di media sosialnya hari ini, Dato' Mohd Nasruddin berkata sambutan memberangsangkan kejohanan itu membuktikan potensi besar Kelantan sebagai destinasi sukan lasak dan ekopelancongan.

"Keindahan alam semula jadi di Taman Eko Rimba Bukit Bakar mampu digabungkan dengan aktiviti sukan dan rekreasi secara lestari," katanya.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad juga menerusi media sosialnya pada Sabtu, berkata penganjuran kejohanan berkenaan memberi impak langsung kepada pembangu-



nan industri sukan negeri, khususnya dalam pencarian bakat baharu dan pembinaan ekosistem sukan berprestasi tinggi.

Untuk rekod, litar basikal bukit di Bukit Bakar Eco Park mendapat pengiktirafan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) bagi penganjuran kejohanan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam perkembangan berkaitan, arena sukan lasak negara masih berdukacita atas pemergian legenda sukan lasak tanah air kelahiran Kelantan Allahyarham Muhammad Razani Hussain, 59, yang meninggal dunia di Hospital Bachok pada 28 November lalu. Allahyarham pernah mewakili Malaysia pada Sukan Komanwel di Manchester, England.

Ahmad Fikri tamatkan 30 juzuk hafazan dalam 1 hari raih pangkat mumtaz

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 24 Disember – Ahmad Fikri Abdul Hisham pelajar Maahad Tarbiah Mardhiah Panchor (MTM), Kota Bharu mencatat kejayaan luar biasa apabila berjaya menamatkan Syahadah Hafazan al-Quran kategori 30 juzuk dalam tempoh satu hari.

Menurut kenyataan di laman rasmi Yayasan Islam Kelantan (YIK), beliau memperoleh pangkat Mumtaz tanpa sebarang kesalahan, sekali gus menonjolkan pencapaian cemerlangnya.

YIK merakamkan setinggi-ting-

gi tahniah atas kejayaan tersebut.

Kenyataan di laman rasmi YIK menyifatkan kejayaan Ahmad Fikri atas faktor disiplin, kesungguhan dan istiqamah yang diamalkan sejak beliau berusia 13 tahun.

Pencapaian itu membuktikan keupayaan pelajar tahfiz YIK melahirkan huffaz berkualiti dan berdaya saing.

YIK berharap kejayaan tersebut menjadi inspirasi kepada seluruh pelajar, guru, dan warga pendidikan Islam untuk terus menjunjung al-Quran sebagai teras kecemerlangan ummah.

